# Analisis Pengukuran Untung dalam Fiqh Muamalat Cheat Sheet

by daynne (shy_awesome12) via cheatography.com/123874/cs/23541/

## Definisi

| | |
|---|---|
| 1) Hasil pendapatan daripada sesuatu kegiatan seperti perusahaan, perniagaan yang melebihi modal serta segala perbelanjaan yang berkaitan. | (Kamus Dewan) |
| 2) Perolehan lebihan wang oleh perusahaan selepas semua perbelanjaan diselesaikan dalam suatu tempoh pengiraan sesuatu akaun. | (Kamus Harrap's Dictionary of Business Finance) |

## Untung Menurut Perspektif Islam

| | |
|---|---|
| Bahasa | 1) Al-Ribh (Rabiha) |
| | 2) Pertambahan dalam kegiatan perniagaan |
| Istilah | Lebihan dan pertambahan dalam aktiviti perniagaan yang terhasil daripada usaha dan modal. |
| Al-Qurtubi | Kamu mendapat keuntungan dan kerugian dalam jual beli kamu (**ayat kebiasaan orang Arab**) |
| Imam Al-Alusi (juga pendapat Al-Nisaburi) | Usaha untuk mendapatkan lebihan modal melalui modal. |
| Zakat | Pertambahan ke atas modal dan ditinjau dari segi harta yang diwajibkan zakat. |

## Untung Menurut Perspektif Islam

| | |
|---|---|
| Murabahah | 1) Kontrak jual beli dengan harga pertama dengan tambahan keuntungan yang ditetapkan dan disepakati antara penjual dan pembeli. |

## Untung Menurut Perspektif Islam (cont)

| | |
|---|---|
| | 2) Kontrak jual beli apa yang dimilikinya dengan apa yang sepatutnya (modal) dan dengan lebihan. |
| Ibnu Qudamah | Satu lebihan ke atas modal. |
| Dr Muhammad Salah (**kitab "Mushkalah al-Istithmar fi al-Bunuk al-Islamiyyah: Wa Kaifa Ilajiha al-Islam"**) | Matlamat asasi bagi syarikat di mana segala aktiviti ekonomi yang diceburi akan melibatkan proses jual beli |
| Ibn Khaldun (**Muqaddimah Ibn Khaldun**) | Nilai yang timbul hasil daripada kerja yang dilakukan oleh manusia. |
| Khurshid Ahmad dan Muhammad Nejatullah Siddiqi | Apa yang ditentukan dalam keadaan biasa dan sederhana mengikut hukum penawaran dan permintaan dalam pasaran bebas, dengan syarat undang-undang negara, perancangan dan polisinya atau kawalan-kawalan lain tidak campur tangan dalam sistem jualan dan belian, pengeluaran komoditi serta pasaran persaingan monopoli tidak dibenarkan mempengaruhi pasaran serta tidak berlaku keadaan darurat yang memberi kesan kepada pasaran. |

## Pembahagian Keuntungan: Pendekatan Fuqaha'

**Ukuran Yang Tetap**

| | |
|---|---|
| - Al-Ibadiyyah | 1/3 atau lebih |
| - Hanbali | 1/3 atau 1/6 |
| - Al-Mardawi | 1/4 |
| - Syafi'i | Melebihi 1/3 |
| - Maliki | 1/3 atau lebih |
| - Ibn Yahya al-Balkhi | 1/10 (haiwan) dan 1/5 (bangunan) |

## Pembahagian Keuntungan: Pendekatan Fuqaha'

**Ukuran Yang Fleksibel**

| | |
|---|---|
| - Al-Mardawi | Mempertimbangkan kebiasaan dan bersesuaian dengan penghadapan konflik |
| - Ibn Abidin | Kadar keuntungan yang tidak tercakup dalam penetapan taksiran oleh pihak pentaksir. |

## Kesimpulan

1) Konsep untung perlu dijadikan sebagai panduan dalam menentukan kadar dan nisbah yang berpatutan bagi sesuatu barangan yang akan diniagakan.

2) Keuntungan sentiasa berubah dari semasa ke semasa bagi memenuhi keperluan manusia keseluruhannya.

3) Islam mengiktiraf untung yang bebas daripada unsur-unsur haram seperti riba, ghabn, gharar dan ihtikar.

4) Umat Islam perlu berusaha untuk mencapai keuntungan yang tiada unsur--unsur haram.



Sponsored by **ApolloPad.com**
Everyone has a novel in them. Finish Yours!
https://apollopad.com